



## KENYATAAN MEDIA

### PENYUSUNAN SEMULA LALUAN MYBAS IPOH BAKAL MENYEDIAKAN LIPUTAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK

IPOH, 9 MAC 2018 - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan melaksanakan penyusunan semula rangkaian laluan myBAS Ipoh bagi meningkatkan liputan perkhidmatan di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (SBST) yang akan beroperasi sepenuhnya pada 15 Mac 2018.

Penyusunan semula laluan myBAS Ipoh ini akan menawarkan jaringan liputan yang lebih menyeluruh iaitu merentasi 16 laluan yang merangkumi jarak keseluruhan 367 km, berbanding 19 laluan yang sedia ada yang merangkumi jarak 314 km. Kesemua laluan ini akan dihubungkan kepada dua (2) terminal utama iaitu Terminal Medan Kidd dan Terminal Amanjaya.

Penambahbaikan rangkaian ini turut melibatkan sebelas (11) laluan utama dan lima (5) laluan pengantara. Penyusunan semula ini juga menyaksikan beberapa laluan yang digabungkan dan dipanjangkan bagi memberikan perkhidmatan yang lebih cekap berasaskan jumlah penumpang di setiap kawasan. Perubahan ini dijangka akan memberi lebih manfaat dan kemudahan kepada seluruh warga Ipoh.

Berikut disertakan butiran perubahan laluan myBAS Ipoh:

No. Bas	Laluan	Maklumat Operasi
T30a	Stesen Medan Kidd - Terminal Amanjaya	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:00pg-9.00ptg Sabtu & Ahad: 6:00pg - 9:00ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit
T30b	Stesen Medan Kidd-Terminal Aman Jaya-Chemor	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:00pg-9.30ptg Sabtu & Ahad: 6:30pg - 9:30ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit
T31a	Stesen Bas Medan Kidd - Tasek - Chemor	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:10pg-8.10ptg Sabtu & Ahad: 6:10pg - 8:10ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit



T31b	Stesen Bas Medan Kidd - Tasek - Chemor via Jalan Tun Razak	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 7:10pg-9.10ptg Sabtu & Ahad: 7:10pg - 9:10ptg <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit
T32	Stesen Bas Medan Kidd - Tanjung Rambutan via Bercham	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:05pg-9.05ptg Sabtu & Ahad: 6:05pg - 9:05ptg <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit
T33a	Stesen Bas Medan Kidd - Tanjung Rambutan - Chemor	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 5:40pg-7.40ptg Sabtu & Ahad: 5:40pg - 7:40ptg <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit
T33b	Stesen Bas Medan Kidd - Tanjung Rambutan	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 7:00pg-9.00ptg Sabtu & Ahad: 7:00pg - 9:00ptg <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit
T34	Stesen Bas Medan Kidd - Stesen Bas Medan Gopeng	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:15pg-9.15ptg Sabtu & Ahad: 6:15pg - 9:15ptg <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 60 minit



T35	Stesen Bas Medan Kidd - Paser Puteh - Pengkalan Sentosa	<b><u>Waktu operasi:</u></b> Isnin-Jumaat: 5:55pg-9.55ptg Sabtu & Ahad: 5:55pg - 9:55ptg  <b><u>Kekerapan:</u></b> Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 60 minit
T36	Stesen Bas Medan Kidd - Batu Gajah - Sri Iskandar	<b><u>Waktu operasi:</u></b> Isnin-Jumaat: 6:00pg-9.00ptg Sabtu & Ahad: 6:00pg - 8:00ptg  <b><u>Kekerapan:</u></b> Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 60 minit
T37	Stesen Bas Medan Kidd - LTSAS - Taman Botani	<b><u>Waktu operasi:</u></b> Isnin-Jumaat: 5:40pg-7.00ptg Sabtu & Ahad: 5:40pg - 7:00ptg  <b><u>Kekerapan:</u></b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit
F100	Feeder Town Ipoh	<b><u>Waktu operasi:</u></b> Isnin-Jumaat: 6:30pg-8.10ptg Sabtu & Ahad: 6:30pg - 8:10ptg  <b><u>Kekerapan:</u></b> Waktu puncak - 20 minit Bukan puncak- 20 minit
F101a	Stesen Bas Medan Kidd - Bercham via Taman Ipoh - Stesen Bas Medan Kidd	<b><u>Waktu operasi:</u></b> Isnin-Jumaat: 6:00pg-8.00ptg Sabtu & Ahad: 6:00pg - 8:00ptg  <b><u>Kekerapan:</u></b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit



F101b	Stesen Bas Medan Kidd - Bercham via JPJ - Stesen Bas Medan Kidd	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 7:00pg-9.00ptg Sabtu & Ahad: 7:00pg - 9:00ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 120 minit Bukan puncak- 120 minit
F102	Stesen Bas Medan Kidd - Manjoi - Buntong - Stesen Bas Medan Kidd	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 6:05pg-8.05ptg Sabtu & Ahad: 6:05pg - 8:05ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit
F103	Stesen Bas Medan Kidd - Tmn Cempaka - Ampang - Stesen Bas Medan Kidd	<b>Waktu operasi:</b> Isnin-Jumaat: 5:55pg-7.55ptg Sabtu & Ahad: 5:55pg - 7:55ptg  <b>Kekerapan:</b> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 60 minit

Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan myBAS Ipoh orang ramai boleh menghubungi pengendali Perak Transit (peraktransit.com.my) di talian 05-545 5318 atau emel kepada [enquiry@peraktransit.com.my](mailto:enquiry@peraktransit.com.my) atau layari laman Facebook [www.facebook.com/PerakTransit/](http://www.facebook.com/PerakTransit/).

-Tamat-



**Nota tambahan kepada pengarang:**

<b>Laluan- Laluan terdahulu yang akan digabungkan</b>	<b>F300 Aeon - Bercham dan F304 Stesen Bas Medan Kidd - Aeon menjadi F101a Medan Kidd - Bercham melalui Taman Ipoh.</b>  <b>F101b Medan Kidd - Bercham melalui JPJ digabungkan dengan F301 SMK Gunung Rapat - Ampang, F305 Medan Kidd - Green Town &amp; F306 Medan Kidd - Golf Club menjadi F103 Medan Kidd - Taman Cempaka - Ampang</b>
<b>Laluan- laluan yang dipanjangkan</b>	<b>T34 Medan Kidd - RTC Gopeng dipanjangkan ke Stesen Bas Gopeng</b>  <b>T36 Medan Kidd - Batu Gajah di panjangkan ke Sri Iskandar</b>  <b>F102 Medan Kidd di panjangkan ke Manjoi hingga ke Buntong</b>

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:  
Bahagian Komunikasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat  
Tel : +603 2726 7000/Faks: +607 2726 7300  
Emel : [communications@spad.gov.my](mailto:communications@spad.gov.my)